



اونيورسيتي مليسيا فهغ السلطان عبدالله
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH
(UMPSA)**

PROSEDUR PENGURUSAN PERUBAHAN

(UMPSA-ISMS-P2-006)

ISO/IEC 27001:2013



PROSEDUR PENGURUSAN PERUBAHAN

KANDUNGAN

1.0	OBJEKTIF	1
2.0	SKOP	1
3.0	RUJUKAN	1
4.0	DEFINISI	1
5.0	SINGKATAN.....	2
6.0	PENGURUSAN PERUBAHAN.....	2
7.0	CARTA ALIRAN	5
8.0	TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN.....	6
9.0	LAMPIRAN.....	6
10.0	REKOD PINDAAN DOKUMEN	6



PROSEDUR PENGURUSAN PERUBAHAN

1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini diwujudkan untuk:

- a) Memastikan proses perubahan yang berkaitan dengan kemudahan pemprosesan maklumat berkaitan yang di bawah skop ISMS, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dilaksanakan dengan berkesan dalam keadaan terkawal seiring dengan keperluan keselamatan maklumat ISO/IEC 27001:2013.
- b) Mengurangkan risiko yang berkaitan dengan perubahan kepada operasi harian.
- c) Memastikan tahap kualiti perkhidmatan terbaik dapat dikekalkan.

2.0 SKOP

Prosedur ini digunakan ke atas semua proses perubahan, naik taraf, pengujian teknologi, penambahbaikan atau pengemaskinian aset ICT, sumber manusia dan insiden keselamatan ICT yang berkaitan dengan kemudahan pemprosesan maklumat di dalam persekitaran ICT UMPSA.

Bagi proses pengurusan perubahan yang dinyatakan, perlu merujuk kepada perkara 6.0

3.0 RUJUKAN

- a) ISO/IEC 27001:2013 – A.12.1.2 *Change management*
- b) Polisi Keselamatan Siber UMPSA - perkara 8.1.2 : Pengurusan Perubahan

4.0 DEFINISI

- a) **Pengurusan Perubahan (*Change Management*)** ialah Proses Piawai Perancangan dan Pengendalian perubahan seperti penambahan, pengubahsuaian atau pengalihan keluar apa-apa yang boleh memberi kesan ke atas aset ICT terlibat yang di bawah skop ISMS UMPSA dengan merujuk kepada proses kerja yang berkuatkuasa.
- b) **Aset ICT** merangkumi maklumat, aliran data, platform aplikasi dan perisian, peranti fizikal dan sistem, sistem luaran serta sumber luaran.
- c) **Medium rasmi** merangkumi minit mesyuarat / perbincangan / emel / memo / borang yang berkuatkuasa / sistem yang berkuatkuasa / laporan / slaid pembentangan / surat / kertas kerja yang diluluskan



PROSEDUR PENGURUSAN PERUBAHAN

- d) **Pengujian Teknologi (*Proof of Concept*)** merangkumi kaedah atau pengujian tertentu yang membolehkan pihak pembekal menunjukkan kebolehlaksanaan atau demonstrasi produk yang berupaya memenuhi keperluan persekitaran ICT UMPSA

5.0 SINGKATAN

Penyataan	Definisi
ISMS	Information Security Management System
UMPSA	Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
DiTec	Pusat Teknologi Digital
PYB	Pegawai Yang Bertanggungjawab
SOP	Standard Operating Procedure
TSOP	Technical Standard Operating Procedure
iDesk	ICT Online Desk

6.0 PROSES PENGURUSAN PERUBAHAN

Matlamat utama proses pengurusan perubahan adalah untuk meminimumkan kesan negatif perubahan yang tidak terkawal yang akan memberi kesan kepada prestasi keseluruhan UMPSA.

Proses pengurusan perubahan terbahagi kepada kategori berikut :

6.1 Pelan Pengurusan Perubahan (PPP)

Pengurusan perubahan memberi tumpuan kepada semua perubahan yang boleh mengubah proses kerja sedia ada dan mengubah output yang dihasilkan.

Bagi perubahan yang tidak mengubah proses kerja sedia ada dan tidak mengubah output yang dihasilkan, proses pengurusan perubahan akan merujuk kepada perkara **6.2** dan **6.3**.

- 6.1.1 Permohonan perubahan diterima melalui medium rasmi. Semua permohonan perlu melalui perbincangan bersama Seksyen/Bahagian/Unit yang berkaitan.



PROSEDUR PENGURUSAN PERUBAHAN

- 6.1.2 PYB perlu membangunkan Pelan Pengurusan Perubahan untuk kelulusan perubahan, penilaian risiko dan pelan mitigasi yang dikenalpasti.
- 6.1.3 PYB akan melaksanakan perubahan seperti yang diluluskan dan perlu membuat pelaporan berkala.
- 6.1.4 PYB melaksanakan pengujian ke atas semua perubahan yang telah dilaksanakan.
- 6.1.5 PYB bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada semua pihak berkepentingan yang berkaitan sebelum dan selepas pelaksanaan perubahan.

6.2 Proses Pengurusan Perubahan Sistem Aplikasi

Pengurusan perubahan memberi tumpuan kepada semua perubahan sistem aplikasi Universiti yang melibatkan jam pembangunan yang melebihi 20 jam.

Bagi perubahan sistem aplikasi Universiti yang kurang dari 20 jam, proses pengurusan perubahan akan merujuk kepada perkara 6.3.

- 6.2.1 Menerima permohonan perubahan melalui medium rasmi. Semua permohonan perlu mematuhi Prosedur Pembangunan Sistem Aplikasi semasa yang berkuatkuasa.
- 6.2.2 Jawatankuasa penilai akan menilai dan menganalisa keperluan sistem bagi kelulusan pelaksanaan perubahan yang melibatkan jam pembangunan melebihi 20 jam.
- 6.2.3 PYB akan melaksanakan perubahan seperti yang diluluskan dan melakukan pengujian ke atas semua perubahan di dalam *staging*



PROSEDUR PENGURUSAN PERUBAHAN

environment.

6.2.4 PYB perlu membuat pelaporan berkala.

6.2.5 PYB bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada semua pihak berkepentingan yang berkaitan sebelum dan selepas pelaksanaan perubahan.

6.3 Proses Pengurusan Perubahan Operasi ICT

Pengurusan perubahan memberi tumpuan kepada semua perubahan yang tidak termasuk di perkara 6.1 dan 6.2.

6.3.1 Permohonan perubahan perlu dibuat dengan mengisi maklumat yang diperlukan di dalam medium yang bersesuaian dengan perubahan tersebut seperti *ICT Online Desk* (iDesk) atau sebarang medium rasmi.

6.3.2 Penyelenggaraan daripada Penemuan Insiden Keselamatan ICT, turut perlu direkodkan sebagai CRF di dalam *ICT Online Desk* (iDesk).

6.3.3 PYB akan melaksanakan perubahan seperti yang dimohon selepas mendapat tugas. Jika proses perubahan tidak berjaya atau kejadian yang tidak diduga berlaku, pelan mitigasi yang dikenalpasti perlu diaktifkan.

6.3.4 PYB melaksanakan ujian dalam *staging environment* bagi perubahan yang berkaitan sebagai satu pelan pelaksanaan dan ujian.

6.3.5 Isu/ masalah berulang atau perubahan yang memerlukan pemantauan berterusan, ianya perlu direkod dan dilaporkan merujuk Prosedur Tindakan Pembetulan dan Penambahbaikan (UMPSA-ISMS-P1-005) bagi mengkaji semula perubahan untuk kenalpasti tahap




PROSEDUR PENGURUSAN PERUBAHAN

keberkesanan pelaksanaan.

- 6.3.6 PYB bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada semua pihak berkepentingan yang berkaitan sebelum dan selepas pelaksanaan perubahan.

7.0 CARTA ALIRAN



**PROSEDUR PENGURUSAN PERUBAHAN****8.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN**

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
Pemohon	- Membuat permohonan perubahan
Pegawai Yang Bertanggungjawab (Assigned Staff)	- Melaksanakan perubahan - Melaksanakan ujian perubahan - Mengkaji semula perubahan untuk kenalpasti tahap keberkesanan - Memaklumkan perubahan yang telah dibuat

9.0 LAMPIRAN

- Rekod *ICT Online Desk* (iDesk)
- Dokumen medium rasmi
- Dokumen Pelan Pengurusan Perubahan

10.0 REKOD PINDAAN DOKUMEN

Versi	Tarikh	Keterangan	Penulis
1.0	01/08/2012	Prosedur Pengurusan Perubahan	Mohd Rashid Abu Bakar
1.1	09/09/2013	Sila rujuk perubahan pada Borang Cadangan Pindaan Dokumen ISMS untuk dokumen ini.	Natrah Ahmad Fadil
1.2	09/07/2014	Perubahan: rujuk Cadangan Pindaan Dokumen ISMS	Mohd Rashid
2.0	14/08/2015	Perubahan kepada ISO/IEC 27001:2013	Emmie Sharina Abdul Kadir
2.1	19/06/2017	<ul style="list-style-type: none">Perubahan singkatan CIO & ICTSOPerubahan nama penyedia dokumenPerubahan Perkara 6.0(2) 'fallback arrangement' kepada '<i>rollback arrangement</i>'	Nur Syuhada bt Osman



UMPSA-ISMS-P2-006



PROSEDUR PENGURUSAN PERUBAHAN

		<ul style="list-style-type: none">Perubahan Perkara 6.0(6) 'fallback' kepada 'restore daripada backup'	
2.2	28/02/2018	Perubahan pelulus dokumen	Nur Syuhada bt Osman
2.3	11/07/2019	Perubahan nama jawatan	Norfaezah binti Abd Halim
2.4	13/11/2020	Perubahan Perkara 6.0(3); Kelulusan Perubahan ditukar dari ICTSO/CIO kepada Ketua Bahagian/ Unit. Pemansuhan Perkara 6.0(4) Penjadualan / Koordinasi Perubahan dan perkataan ICTSO/CIO di dalam dokumen.	Nur Syuhada bt Osman
3.0	23/08/2021	Pengemaskinian penerangan Proses Perubahan mengikut proses kerja semasa. Pemansuhan dokumen lampiran berikut selepas penguatkuasaan penggunaan ICCS : i. UMPSA-ISMS-P4-025 - Borang Permohonan Perubahan (CRF) ii. UMPSA-ISMS-P4-026 - Log Kawalan Perubahan	Nur Syuhada bt Osman
3.1	14/09/2022	Pengemaskinian penerangan Skop bagi menjelaskan pengurusan perubahan ini merangkumi semua aset ICT. Penambahan definisi bagi Aset ICT pada perkara Singkatan.	Nur Syuhada bt Osman
3.2	10/10/2023	Pengemaskinian bagi perkara : 2.0 Skop 3.0 Rujukan 4.0 Definisi 5.0 Singkatan 6.0 Proses Pengurusan Perubahan	Norshuhada bt Muhd Nordin



UMPSA-ISMS-P2-006



PROSEDUR PENGURUSAN PERUBAHAN

		7.0 Carta aliran 9.0 Lampiran	
--	--	----------------------------------	--

TERBUKA